



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 55

28hb Mac 2002

No. 7

No. 322.

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL CONSTITUTION

PERLANTIKAN AHLI-AHLI LEMBAGA PENGAMPUNAN

APPOINTMENT OF MEMBERS OF THE PARDONS BOARD

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (5) Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang telah melantik orang-orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual menjadi ahli-ahli Lembaga Pengampunan bagi Negeri Pahang selama tempoh yang dinyatakan dalam ruang (2) bersempena dengan nama mereka masing-masing.

In exercise of the powers conferred by Clause (5) of Article 42 of the Federal Constitution, His Royal Highness the Sultan of Pahang has appointed the persons named in column (1) of the Schedule to be members of the Pardons Board for the State of Pahang for the period specified in column (2) against their respective names.

JADUAL/SCHEDULE

(1) Nama/Name	(2) Tempoh/Period
YDH. Orang Kaya Indera Pahlawan Pahang, Dato' Wan Abdul Wahid bin Haji Wan Hassan, SIMP., DSAP., SAP., AMP.	01-03-2002—01-03-2005
YH. Dato' Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim, SIMP., DSAP., JSM., AMN.	01-06-2002—01-06-2005

(1)	(2)
Nama/Name	Tempoh/Period
YH. Dato' Haji Abdul Rashid bin Haji Abdul Rahman, SIMP., DSAP., SMP., KMN., AMN., PPN., PJK.	13-08-2003—13-08-2006
Bertarikh 9 Mac 2002. Dated 9 March 2002.	Menteri Besar, Pahang

No. 323.

AKTA EKSAIS 1976

(Akta 176)

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN) 1977

(P.U. (A) 155/77)

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH TEMERLOH

Notis adalah diberi bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Temerloh bagi minuman yang memabukkan akan diadakan pada 30 Mac 2002 bersamaan hari Sabtu di Bilik Gerakan Daerah dan Tanah Temerloh jam 10.00 pagi.

2. Semua permohonan untuk lesen, pembaharuan lesen atau pindahmilik lesen bagi suku tahun Kedua 2002 akan dipertimbangkan. Tiap-tiap permohonan hendaklah dihantar dalam 4 (empat) salinan kepada Pengerusi Lembaga Pelesenan Eksais Temerloh d/a Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh tidak lewat daripada 6 (enam) minggu sebelum mesyuarat diadakan.

3. Permohonan untuk lesen baru hendaklah diiklankan atas perbelanjaan pemohon itu sendiri:

- (a) dengan mempamerkan satu salinan permohonan itu di bangunan/tempat di mana perniagaan itu akan dijalankan dalam tempoh sekurang-kurangnya 1 bulan sebelum mesyuarat itu diadakan; dan
- (b) dengan mengiklankan permohonan itu di dalam dua jenis akhbar (Bahasa Malaysia dan Inggeris/Cina) dalam tempoh yang tersebut di dalam perenggan (a) di atas dan keratan iklan itu hendaklah dihantar ke Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh.

PEJABAT DAERAH DAN TANAH,
TEMERLOH,
Bertarikh 26 Februari 2002.
[PDT(AM): 06/001/02.]

DATO' ABDUL HASHIM BIN MOHD,
Pengerusi,
Lembaga Pelesenan Eksais,
Daerah Temerloh

No. 324.

AKTA PENJARA 1995

(Akta 537)

PRISONS ACT 1995

(Act 537)

PERLANTIKAN LEMBAGA HAKIM PELAWAT

APPOINTMENT OF BOARD OF VISITING JUSTICES

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 64 Akta Penjara 1995, Menteri Besar Pahang telah melantik orang-orang yang dinyatakan dalam Jadual menjadi anggota Lembaga Hakim Pelawat bagi Negeri Pahang untuk tahun 2002.

In exercise of the powers conferred by section 64 of the Prisons Act 1995, the Menteri Besar of Pahang has appointed the persons specified in the Schedule to be members of Board of Visiting Justices for the State of Pahang for the year 2002.

JADUAL/SCHEDULE

<i>Nama/ Name</i>	<i>Jawatan/ Designation</i>	<i>Alamat/ Address</i>
Tuan Haji Alias bin Abdullah, AAP., AMP.	Pegawai Daerah Kuantan/ <i>District Officer, Kuantan</i> (Pengerusi/ <i>Chairman</i>)	Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan, 25000 Kuantan
Puan Shamsiah bt. Hussin	Pegawai Kebajikan Masyarakat/ <i>Community Development Officer</i>	Pejabat Kebajikan Masyarakat, Daerah Kuantan, 25000 Kuantan
En. Ramlan bin Harun	Penolong Setiausaha Kerajaan Pahang/ <i>Assistant State Secretary Pahang</i>	Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, 25503 Kuantan
En. Mohamad Anuar bin Abdul Malek	Jurutera/ <i>Engineer</i>	Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang, Tkt. 9-10, Komplek Tun Razak, Bandar Indera Mahkota, 25582 Kuantan
En. Mohamad Zamani bin Mohd. Ali	Penolong Pegawai Daerah Kuantan/ <i>Assistant District Officer</i>	Pejabat Daerah Kuantan, Jalan Masjid, 25000 Kuantan
En. Lau Kim Tang, AMP., PJK.	Pegawai Kemajuan Perkampungan Baru/ <i>New Village Development Officer</i>	Pegawai Kemajuan Perkampungan Baru, Pejabat Daerah Kuantan 25000 Kuantan
Tuan Haji Hamzah bin Din AMN., PJK.	Pesara/ <i>Pensioner</i>	E. 613, Lorong Seri Teruntum 135 Taman Lion, Jalan Darat Makbar, 25100 Kuantan

Nama/ Name	Jawatan/ Designation	Alamat/ Address
En. C. Govindasamy, PJK.	Pesara/ <i>Pensioner</i>	45 Taman Cahaya Timur, Jalan Haji Ahmad, 25300 Kuantan
En. Nik Ismail bin Wan Harun,	Pegawai Belia & Sukan Daerah/ <i>District of Youth & Sport Officer</i>	Kompleks Belia & Sukan Negeri Pahang Jalan Tun Ismail 25000 Kuantan
En. R.Y. Hunt, PJK.	Pengurus Cawangan Syarikat <i>Insurans/Branch Manager of Insurance Company</i>	Great Eastern Life B 20, 2nd Floor, Lorong Tun Ismail 1, 25000 Kuantan
Tan Chin Hua, PPN., PKC.	Pesara/ <i>Pensioner</i>	37 Lorong Kubang Buaya 39, Taman Kasturi, 25250 Kuantan
En. Velayatam a/l Nadesa Pillai, PJK.	Pesara/ <i>Pensioner</i>	E 2950 Lorong Mat Kilau 1, 25150 Kuantan
Tuan Haji Abdul Hamid bin Ahmad, PJK.	Pesara/ <i>Pensioner</i>	54 Lorong Lengkok Kanan 3, Taman LKNP, Tanah Putih Baru, 25150 Kuantan
En. Kamil bin Hj. Abd. Majid, PKT.	Penolong Pegawai Tadbir/ <i>Assistant Administrator Officer</i>	Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Pahang, Jalan Tengku Mahmud, 25250 Kuantan
En. Wan Musa bin Wan Kadir	Penolong Pegawai Tadbir/ <i>Assistant Administrative Officer</i>	Pejabat Daerah Kuantan, 25000 Kuantan
En. Baharuddin bin Mohd Yusof	Ketua Penolong Pegawai Daerah/ <i>Senior District Administrative Officer</i>	Pejabat Daerah & Tanah Kuantan 25050 Kuantan
En. N.T. Rajah, PJK.	Pesara/ <i>Pensioner</i>	A 2302 Lorong Kubang Buaya 51, 25250 Kuantan
En. Senthinathan a/l Somasundram Pillai	Peniaga/ <i>Businessman</i>	71 Jalan Mahkota, 25000 Kuantan
Encik Mohamad bin Ngah, PKT.	Penolong Pegawai Tadbir/ <i>Assistant Administrative Officer</i>	Pejabat Penghulu Mukim Penor, 25150 Kuantan
En. Ghazali bin Jusoh PKT.	Pembantu Tadbir/ <i>Administrative Assistant</i>	Pejabat Kewangan Negeri Pahang, 25503 Kuantan
En. Wan Sulaiman bin Wan Ahmad, PJK.	Penolong Pegawai Tadbir/ <i>Assistant Administrative Officer</i>	Pejabat Tanah Kuantan, 25000 Kuantan
En. Abdul Hamid bin Othman, PKT., PJK.	Pembantu Tadbir/ <i>Administrative Assistant</i>	Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, 25503 Kuantan

Nama/ Name	Jawatan/ Designation	Alamat/ Address
Tuan Haji Alias bin Awang, PKC	Penolong Pegawai Tadbir/ <i>Assistant Administrative Officer</i>	Pejabat Penghulu, Kuala Kuantan, 25000 Kuantan
En. Khairudin bin Suhadi	Penolong Pegawai Tadbir/ <i>Assistant Administrative Officer</i>	Pejabat Daerah Kuantan, 25000 Kuantan

Bertarikh 19 Februari 2002.
[SUK. Phg. (DN) 02/0027.]

DATO' SRI ADNAN BIN YAAKOB,
Menteri Besar,
Pahang

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

No. 325.

PEMBATALAN PERIZAPAN

REVOCATION OF RESERVATION

Bahawasanya melalui *Warta Kerajaan Kesatuan Malaya* No. 6279 yang disiarkan pada 11 September 1947, Pesuruhjaya Residen Pahang pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 24(i) Kanun Tanah *N.M.B* (Bab 138) telah mengisytiharkan tanah yang dikenali sebagai Lot 3721 seluas 23 ekar 35 pole terletak di Lubuk Puyu Paya Pandan, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan, yang dilakar atas Pelan Ukur No. 17,437 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak Padang Ragut Kerbau;

Dan bahawasanya suatu notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizapan tersebut di atas sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pahang* pada 11 Oktober 2001 sebagai Pemberitahuan *Warta* No. 597;

Dan bahawasanya pada tarikh dan masa yang ditetapkan bagi siasatan, Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang tidak ada menerima apa-apa bantahan terhadap cadangan tersebut;

Maka oleh yang demikian adalah diisytiharkan bahawa pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri membatalkan perizapan tersebut.

Whereas by the Malayan Union Government *Gazette* No. 6279 published on 11 September 1947, the Resident Commissioner of Pahang in exercise of the powers conferred on him by section 24(i) of the *F.M.S. Land Code* (Cap. 138) has proclaimed the land comprising of an area of 23 acres 35 poles known as

Lot No. 3721, situated in Lubuk Puyu Paya Pandan, Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan, delineated upon Survey Plan No. 17,437 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for Buffalo Grazing Ground;

And whereas a notice of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as provided under subsection 64(2) of the National Land Code was published in the Government of Pahang *Gazette* on 11 October 2001 as *Gazette* Notification No. 597;

And whereas on the date and time fixed for enquiry, the Pahang State Director of Lands and Mines did not receive any objection to the proposal;

Now therefore it is declared that in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code, the State Authority revokes the aforesaid reservation.

Bertarikh 26 Februari 2002.

Dated 26 February 2002.
[PTK. 3/5/106 SJ. 108.]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Pahang

No. 326.

NOTIS-NOTIS DI BAWAH SUBSEKSYEN 64(2)

NOTICES UNDER SUBSECTION 64(2)

Bahawasanya melalui *Warta* Kerajaan Negeri Pahang No. 446 yang disiarkan pada 12 November 1959, Menteri Besar Pahang pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 24(i) Kanun Tanah yang diwakilkan kepadanya telah merizabkan tanah seluas 5 ekar 3 rood 29 pole yang dikenali sebagai Lot No. 3335 terletak di Karak, Mukim Sabai, Daerah Bentong, yang dilakar di atas Pelan Ukur No. 19,968 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang bagi maksud awam, iaitu sebagai tapak 'Trenching Ground' di bawah kawalan Pegawai Daerah Bentong;

Dan bahawasanya Pihak Berkuasa Negeri bercadang untuk membatalkan keseluruhan perizapan tersebut di atas menurut subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara;

Maka oleh yang demikian menurut subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara, adalah dengan ini diberi notis bahawa Pihak Berkuasa Negeri bercadang untuk membatalkan perizapan tanah tersebut di atas dan satu siasatan akan dibuat mengenainya oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang di pejabat Pentadbir Tanah Bentong, pada 30 Mei 2002 pukul 10.00 pagi.

Whereas by the Government of Pahang *Gazette* No. 446 published on the 12 November 1959, the Menteri Besar of Pahang in exercise of the powers under subsection 24(i) of the Land Code which was delegated to him has reserved the land comprising of an area of 5 acres 3 roods 29 poles known as Lot No. 3335 situated in Karak, Mukim of Sabai, District of Bentong, delineated

upon Survey Plan No. 19,968 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for a Trenching Ground to be maintained by the Bentong District Officer;

And whereas the State Authority proposes to revoke the whole of the aforesaid reservation pursuant to subsection 64(1) of the National Land Code;

Now therefore pursuant to subsection 64(2) of the National Land Code, notice is hereby given that the State Authority proposes to revoke the reservation of the aforesaid land and an enquiry with respect thereto will be held by the Pahang State Director of Lands and Mines at the office of the Bentong Land Administrator, on the 30 May 2002 at 10.00 a.m.

Bertarikh 1 Mac 2002.

Dated 1 March 2002.
[PTB. 27/S/207.]

DATUK HAJI LUGIMAN BIN ABU SEMAN,
Pengarah Tanah dan Galian,
Pahang

No. 327.

Bahawasanya melalui *Warta* Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu No. 745 yang disiarkan pada 26 Mac 1915, Residen Pahang pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 9 Enakmen Tanah 1911 telah mengisytiharkan tanah seluas 1 ekar 17.2 pole, yang dikenali sebagai No. Lot 41, Seksyen 11, terletak di Bandar Bentong, Daerah Bentong, yang dilakar atas Pelan Ukur No. 1,157 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi suatu rizab bagi maksud tapak 'Public Recreation and Instruction' di bawah jagaan Tang Siew Man, Hoh Wah Kee, Tan Kiam, Vun Fong and Chow Tuk bagi pihak masyarakat Cina Bentong;

Dan bahawasanya Pihak Berkuasa Negeri bercadang untuk membatalkan keseluruhan perizapan tersebut di atas menurut subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara;

Maka oleh yang demikian menurut subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara, adalah dengan ini diberi notis bahawa Pihak Berkuasa Negeri bercadang untuk membatalkan perizapan tanah tersebut di atas dan satu siasatan akan dibuat mengenainya oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang di pejabat Pentadbir Tanah Bentong, pada 30 Mei 2002 pukul 10.00 pagi.

Whereas by the Federated Malay States Government *Gazette* No. 745 published on 26 March 1915, the Resident of Pahang in exercise of the powers conferred on him by section 9 of the Land Enactment 1911 has proclaimed the land comprising of an area of 1 acre 17.2 poles known as Lot No. 41, Section No. 11, situated in Bentong Town, District of Bentong, delineated upon Survey Plan No. 1,157 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a reserve for the purpose of a place of Public Recreation and Instruction, to be maintained by Tang Siew Man, Hoh Wah Kee, Tan Kiam, Vun Fong and Chow Tuk on behalf of the Chinese Community of Bentong;

And whereas the State Authority proposes to revoke the whole of the aforesaid reservation pursuant to subsection 64(1) of the National Land Code;

Now therefore pursuant to subsection 64(2) of the National Land Code, notice is hereby given that the State Authority proposes to revoke the reservation of the aforesaid land and an enquiry with respect thereto will be held by the Pahang State Director of Lands and Mines at the office of the Bentong Land Administrator, on the 30 May 2002 at 10.00 a.m.

Bertarikh 1 Mac 2002.

Dated 1 March 2002.
[PT.Btg. 1/B/004605.]

DATUK HAJI LUGIMAN BIN ABU SEMAN,
Pengarah Tanah dan Galian,
Pahang

No. 328.

(Seksyen 168)

NOTIS-NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BAHARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut—

Dokumen Hakmilik Keluaran Komputer telah hilang sebagaimana Perserahan Permohonan No: 89/2002 bertarikh 11-2-02.

JADUAL

Daerah—Temerloh. Bandar/Pekan/Mukim—Sanggang. Jenis dan No. Hakmilik—GM 3010. No. Lot—835. Luas—5 ekar 2 rood 37 pole. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 21 Februari 2002.
[PTT. 260/04/02.]

WAN KAMALUDIN BIN WAN MUSTAFA,
b/p Pentadbir Tanah Daerah,
Temerloh

No. 329.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut—

Suratan Hakmilik Keluaran telah hilang dari simpanan.

JADUAL

Mukim	No. Lot	Jenis dan No. Hakmilik	Luas		
			E.	R.	P.
Chenor	2540	3362	2	2	25
	2647	3143	3	0	13

Mukim	No. Lot	Jenis dan No. Hakmilik	Luas		
			E.	R.	P.
Chenor	5441	GM 231	2	3	3
			Ekar		
	5372	727	5.4994		
	3105	78	2	1	31

(5 Hakmilik sahaja)

Bertarikh 21 Februari 2002.
[PTM. 3-4-0559.]

Pentadbir Tanah Daerah,
Maran

No. 330.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut—

Hakmilik Keluaran Komputer rosak.

JADUAL

Mukim—Triang. No. Lot—2889. Jenis dan No. Hakmilik—GM 2549. Luas—4 ekar 3 rood 23.0000 pole.

Bertarikh 5 Mac 2002.
[PT Bera/4/265/2/02.]

Pentadbir Tanah Daerah,
Bera

No. 331.

(Seksyen 187B)

NOTIS-NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
DOKUMEN HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut—

Hakmilik Keluaran Asal diakui telah hilang.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Beserah. No. PT.—3198. Perihal dan No. Hakmilik—HS(M) 1897. Luas—600 meter persegi.

Bertarikh 5 Mac 2001.
[PTK. 4/4/1/2005.]

ABDUL AZIZ BIN MD. YUSOF,
Pentadbir Tanah Daerah,
Kuantan

No. 332.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut—

Hakmilik Keluaran DHKK HS(M) 738 Mukim Telang telah hilang daripada simpanan.

JADUAL

Mukim—Telang. No. PT.—1340. Perihal dan No. Hakmilik—HS(M) 738. Luas—4 ekar.

Bertarikh 23 Julai 2001.
[PTL. PEN. 15/056/2001.]

Pentadbir Tanah Daerah,
Lipis

No. 333.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut—

Suratan Hakmilik Keluaran telah hilang dari simpanan.

JADUAL

Mukim—Chenor. No. PT.—12822. Perihal dan No. Hakmilik—HS(M) 12087. Luas—3.123 hektar.

Bertarikh 21 Februari 2002.
[PTM. 3-4-0559 J. 1.]

Pentadbir Tanah Daerah,
Maran

No. 334.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk

menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut—

Hakmilik Keluaran Komputer rosak.

JADUAL

Mukim—Triang, No. PT.—574. Perihal dan No. Hakmilik—HS(M) 2755. Luas—4 ekar 1 rood.

Bertarikh 5 Mac 2002.
[PT. Bera/4/265/1/02.]

Pentadbir Tanah Daerah,
Bera

No. 335.

(Seksyen 261)

SAMAN-SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Abu Hassan bin Abd. Rani, Siti Fatimah bt. Abd. Rani & Salmah bt. Ab. Ghani, 15 Taman Bunga Raya, 28000 Temerloh, Pahang Darul Makmur, Penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadaian dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Temerloh, Pahang Darul Makmur pada hari Rabu bersamaan 19-6-2002 Jam 10.15 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut seksyen 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Sanggang Daerah Temerloh. No. Lot—2843. Jenis dan No. Hakmilik—GM 1091. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian—Pers. 822/1999. ((1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 4 Mac 2002.
[PTT. 369/40/2001.]

Penolong Pentadbir Tanah Daerah,
Temerloh

No. 336.

Kepada Ma Chiew Ying yang beralamat di 105-A Kg. Baru Sg. Lui, 27600 Raub, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadaian dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Daerah Raub pada 23 Mei 2002 (Khamis) Jam: 9.30 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut seksyen 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Gali. No. P.T.—12524. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 7097. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers: 871/1999. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 5 Mac 2002.
[P.T.Rb. 9/1836.]

SAID ABDUL MANAF BIN SAID MAHADI,
Pentadbir Tanah Daerah,
Raub

No. 337.

Kepada Wong Beng Chai & Hoh Choi Hing yang beralamat di 2 Kg. Sg. Klau, 27600 Raub, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadaian dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Daerah Raub pada 23 Mei 2002 (Khamis) Jam: 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut seksyen 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Gali. No. P.T.—18543. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 9821. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers: 481/2001. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 5 Mac 2002.
[P.T.Rb. 9/1837.]

SAID ABDUL MANAF BIN SAID MAHADI,
Pentadbir Tanah Daerah,
Raub

No. 338.

Kepada Puan Jaharuddin bin Mohd Daud yang beralamat 195 Batu 3, Jalan Kuala Lumpur, 28700 Bentong, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Bentong pada hari Rabu 17 April 2002 Jam 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut seksyen 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Bentong. No. Lot—502. Jenis dan No. Hakmilik—GM 718. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. 1850/96, Jilid 56, Folio 75 dan Pers. 1851/96, Jil. 56, Fol. 76. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 16 Januari 2002.
[P.T. Btg. 5/B/312.]

SYED MOHD NOR BIN SYED JAAFAR,
Pentadbir Tanah Daerah,
Bentong

No. 339.

Kepada Puan Zaitul Akmar bt Nordin yang beralamat 108A Batu 1 1/2, Jalan Tras, 28700 Bentong, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Bentong pada hari Rabu 8 Mei 2002 Jam 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut seksyen 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Bentong. No. P.T.—13472. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 3799. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. 955/97, Jilid 59, Folio 89. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 16 Januari 2002.
[P.T. Btg. 5/B/343.]

SYED MOHD NOR BIN SYED JAAFAR,
Pentadbir Tanah Daerah,
Bentong

No. 340.

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Pengambilan Tanah bagi tujuan awam iaitu bagi Projek Jambatan Baru di atas Lintasan Keretapi di Laluan 87, Mentakab, Pahang.

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletakanya tanah dan kawasan.

JADUAL

Daerah—Temerloh. Mukim—Mentakab.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan Yang akan Diambil
	HSM		Meter persegi	Hektar
PT. 13029	3638	Shell Malaysia Trading Sdn. Bhd.	5172.9	0.035017 (350.170m.p)
			Hektar	
PT. 13028	3637	Low Kim Boon	0.4079	0.0456108 (456.108m.p)
	GM		E. R. P.	Hektar
1217	2162	Gan Kim Buan	3 0 0	0.0116
1216	2161	Gan Kim Buan	2 0 15	0.0565

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan Yang akan Diambil
	GM		E. R. P.	Hektar
1215	2160	Chek Choi Hwa 1/4 bhg., Gan Kim Kuan 1/4 bhg., Gan Kim Shin 1/4 bhg., Tan Soo Lim @ Tan Yeh Lan dan Gan Wei Luen sebagai representative 1/4 bhg.	1 3 30	0.2084

Bertarikh 26 Februari 2002.
[PTT. 386/26/2001.]

DATUK HJ. LUGIMAN BIN ABU SEMAN,
Pengarah Tanah dan Galian,
Pahang

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA